

INOVASI PEDAGOGI: MODUL I-SMART MUZIK

(Inovasi dalam Intervensi Awal)

¹Valerie Sinti

SK Koporingan Tuaran
(Sekolah Kluster Kecemerlangan)
Sabah, Malaysia
valerie_sinti@yahoo.com

Abstract—*i-SMART Music Modules are a reference material for assisting primary school teachers to generate ideas, plan and implement various teaching and learning in music education. These modules are used to meet the classroom assessment requirements set by the Malaysian Ministry of Education (MOE). The contents of the modules are based on the Malaysian Standard Curriculum and Assessment Document, the Music Education Teaching Guides (Curriculum Development Section) and the Arts Education and Music Education textbook. i-SMART Music Modules are divided into two modules namely Level I Modules (Year 1 to 3) and Level II Modules (Year 4 to 6). The Level I modules have different content with Level II modules. The Level I modules are produced by the Malaysian Standard Curriculum and Assessment Document (New Revision) for the Arts Education subject. It contains a variety of teaching and learning activities such as artwork, presentations and cultural arts based on four curriculum modules (Art Language, Art Skills, Creativity and Art Innovation, and Art Appreciation). Level II modules include exercises (song, recorder and music notation) and questions (subjective & objective). The general interpretation of pupil's level of mastery, the answers to objective questions, and the example of the teacher's Daily Lesson Plan based on 21st Century Learning are also available. i-SMART Music Modules can be a student exercise book in the classroom that is then restored and reinforced by activities in the modules. These modules are expected to help teachers to translate the aspirations of the Malaysian Primary School Standard Curriculum for Arts Education and Music Education.*

Keywords—*i-SMART Music Modules; Arts Education; Music Education; pedagogy innovation; teaching and learning; early intervention.*

1. Pengenalan

Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, enam ciri utama yang diperlakukan oleh setiap murid agar berupaya bersaing pada peringkat global seharusnya dititikberatkan termasuklah pengetahuan dan kemahiran berfikir agar sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan [1]. Oleh itu, setiap murid perlu menguasai pelbagai kemahiran pembelajaran seperti penaakulan dan pemikiran kritis, kreatif, serta inovatif [2]. Bagi mencapai hasrat PPPM ini, guru perlu membantu murid dalam penyampaian pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dengan cara membina bahan bantu mengajar yang kreatif supaya murid seronok dan minat untuk belajar.

Keterlibatan murid dalam PdPc adalah faktor utama untuk menentukan tahap kefahaman murid dalam pembelajaran. Setiap murid mempunyai tahap pemikiran yang berbeza. Murid akan melibatkan diri dengan lebih aktif dalam aktiviti PdPc apabila guru berjaya merangsang minat murid terhadap aktiviti tersebut. Justeru, satu bahan rangsangan perlu digunakan oleh guru untuk menarik minat murid terhadap PdPc yang dirancang. Bahan perangsang minat murid dalam aktiviti PdPc dikenali sebagai bahan bantu mengajar. Semua guru perlu bersedia dengan bahan bantu mengajar sebelum memulakan sesi PdPc. Dari sudut penyediaan bahan bantu mengajar, guru perlu memastikan bahawa bahan yang dihasilkan dapat digunakan sepenuhnya selain menarik minat murid semata-mata [3]. Hal ini adalah penting supaya murid akan sentiasa melihat seseorang guru itu bersedia untuk mengajar dan mereka

dapat melibatkan diri secara maksimum dalam aktiviti PdPc. Selain itu, bahan bantu mengajar yang digunakan perlu menepati konteks pembelajaran yang dirancang serta memberi peluang kepada murid untuk membuat hubungan kait antara pelajaran dengan kehidupan seharian mereka.

Bagi menjayakan pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah yang telah disemak semula bagi memenuhi dasar baharu di bawah PPPM, PdPc guru perlu memberi penekanan kepada Kemahiran Berfikir Aras Tinggi supaya murid dapat menguasai kemahiran yang diperlukan dalam abad ke-21. Penggunaan bahan bantu mengajar dalam PdPc merupakan salah satu elemen penting yang perlu diterapkan oleh setiap guru dalam memenuhi kehendak negara untuk menjadi sebuah negara yang mempunyai sistem pendidikan yang berkualiti. Bahan bantu mengajar ini dapat bantu mengajar ini, guru dapat menerangkan sesuatu konsep sukatan mata pelajaran dengan lebih tepat berbanding penerangan secara lisan [4]. Bahan bantu mengajar tidak terhad kepada buku teks, papan tulis dan gambar sahaja, tetapi ia merangkumi segala benda yang digunakan dalam proses PdPc.

Modul i-SMART Muzik merupakan salah satu bahan bantu mengajar yang dihasilkan untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti guru dalam menjalankan PdPc secara kreatif dan guru berupaya menerangkan sesuatu konsep muzik dengan lebih mudah. Penghasilan modul ini dapat menjadikan guru sebagai agen transformasi dalam membangunkan idea-idea kreatif yang akhirnya menjadi inovasi di sekolah.

Modul i-SMART Muzik mampu merangsang minat murid terhadap muzik. Modul i-SMART Muzik berupaya membantu murid menguasai sesuatu konsep muzik serta mengurangkan tahap kebosanan murid kesan daripada ketiadaan buku latihan/buku kerja. Menerusi Modul i-SMART Muzik, murid dapat ditaksir secara berterusan untuk mengenalpasti tahap penguasaannya dalam mata pelajaran Pendidikan Kesenian (Seni Muzik) dan Pendidikan Muzik, serta membolehkan guru membuat tindakan susulan bagi mempertingkatkan pencapaian murid.

2. Objektif Inovasi

A. Objektif Umum

Tujuan inovasi ini dijalankan adalah untuk membantu guru-guru sekolah rendah menjana idea, merancang dan melaksanakan pelbagai aktiviti PdPc serta memenuhi keperluan pentaksiran bilik darjah yang telah ditetapkan oleh KPM.

B. Objektif Khusus

Secara khusus inovasi ini bertujuan untuk:

- Membantu guru-guru sekolah rendah menjana idea, merancang dan melaksanakan pelbagai aktiviti PdPc dan pentaksiran bilik darjah.
- Menyediakan bahan pembelajaran yang boleh digunakan oleh murid secara akses sendiri dan berulang kali terutamanya semasa di rumah agar dapat meningkatkan penguasaan murid ke tahap optimum.

3. Kumpulan Sasaran

Modul i-SMART Muzik dihasilkan untuk kegunaan guru-guru muzik, khususnya guru sekolah rendah bagi mata pelajaran Pendidikan Kesenian (Seni Muzik) dan Pendidikan Muzik dalam usaha menjana idea, merancang dan melaksanakan pelbagai aktiviti PdPc yang terkandung dalam *MODUL GURU*. Modul ini juga disasarkan kepada murid-murid sekolah rendah dari tahun satu hingga tahun enam dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti PdPc yang terkandung dalam *MODUL MURID*.

4. Latar Belakang

Modul i-SMART Muzik diilhamkan daripada program motivasi sekolah yang dipanggil Kem i-SMART. Kem i-SMART merupakan program persediaan bagi menghadapi peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) bagi semua subjek teras (Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik). Penulis merupakan seorang guru muzik di SK Koporingan Tuaran Sabah (Sekolah Kluster Kecemerlangan) sejak tahun 2015, dan di sinilah bermulanya pengumpulan isi-isi kandungan modul yang merupakan aktiviti-aktiviti PdPc dan juga latihan-latihan yang dilaksanakan oleh penulis bersama murid-muridnya di dalam bilik darjah. Melalui jenama i-SMART sekolah, penulis akhirnya menghasilkan Modul i-SMART Muzik untuk kegunaan guru muzik dan murid sebagai bahan bantu mengajar di samping sumber utama iaitu buku teks Pendidikan Kesenian dan Pendidikan Muzik.

5. Isu/Masalah Yang Ditangani Oleh Inovasi

Tinjauan awal penulis menunjukkan kaedah PdPc yang diamalkan oleh kebanyakan guru muzik adalah berpusatkan guru sifatnya. Strategi PdPc muzik yang digunakan lebih menjurus kepada penyampaian informasi, pemberian arahan, dan panduan oleh guru selain dari bimbingan permainan alat muzik oleh guru. Melalui pengalaman guru-guru muzik daerah (dinyatakan secara lisan) semasa kursus penyebaran di mana penulis merupakan seorang Jurulatih Utama Kebangsaan (JUK) Pendidikan Kesenian (Seni Muzik) dan Pendidikan Muzik, rata-rata guru mengajar konsep muzik (aspek persepsi estetik) secara teori dan memperkukuhnya melalui latihan teori.

Strategi-strategi yang digunakan oleh guru ialah tunjuk ajar, hafalan, dan latih tubi dengan hanya menggunakan buku teks. Maka, timbullah beberapa masalah seperti murid yang tidak memberi perhatian dalam kelas; murid tidak berminat dalam pembelajaran; murid tidak memahami konsep muzik yang diajar; dan murid yang lemah tidak menyertai dalam aktiviti yang dikendalikan. Hasil daripada itu, maka kecerdasan muzikal murid tidak dapat diperkembangkan. Hanya beberapa orang guru muzik yang menerapkan PdPc teori dengan amali (memainkan alat perkusi atau rekorder).

Kebanyakan guru bukan opsyen muzik pula menyatakan kesukaran untuk menjalankan aktiviti PdPc kerana kekurangan sumber tambahan seperti buku rujukan atau buku kerja muzik yang menepati standard mata pelajaran terkini. Masalah ini pastinya menyebabkan guru muzik sekolah rendah sukar untuk menjana idea, merancang dan melaksanakan pelbagai aktiviti PdPc atau menjalankan proses pentaksiran bilik darjah. Murid-murid juga menghadapi masalah yang sama iaitu ketiadaan bahan pembelajaran yang boleh digunakan oleh murid secara akses sendiri dan berulang kali terutamanya semasa di rumah dalam meningkatkan penguasaan murid ke tahap optimum.

6. Huraian Inovasi

A. Bahan yang digunakan untuk menghasilkan Inovasi

Modul i-SMART Muzik ini terbahagi kepada dua jenis modul iaitu Modul Tahap 1 (Tahun Satu hingga Tahun Tiga) dan Modul Tahap 2 (Tahun Empat hingga Tahun Enam) seperti pecahan berikut:

- *Modul i-SMART Muzik Tahun 1,2,3*: 3 Set (Modul Guru, Modul Murid dan Lirik Lagu)
- *Modul i-SMART Muzik Tahun 4,5,6*: 3 Set (Modul Guru, Modul Murid dan Manuskrip)

Bahan yang digunakan untuk menghasilkan Modul i-SMART Muzik adalah Microsoft Office Publisher 2007 (saiz *booklet half A3*). Gambar atau imej dalam modul diperolehi daripada *Google Image*, kemudian melalui proses rekaan dan *editing* menggunakan *Paint* dan Microsoft Office PowerPoint 2007. Sumber utama dalam menghasilkan Modul i-SMART Muzik adalah Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) dan buku teks. Setelah proses *editing* siap, Modul i-SMART Muzik akan *diconvert* dalam bentuk PDF kemudian dihantar ke kedai percetakan untuk tujuan cetakan mengikut jumlah tempahan modul.

B. Cari Inovasi digunakan

Modul i-SMART Muzik Tahun 1,2,3 mempunyai kandungan yang berbeza dengan Modul i-SMART Muzik Tahun 4,5,6 seperti huraian berikut:

- *Modul i-SMART Muzik Tahun 1,2,3:* Berpandukan kepada DSKP Semakan Baharu tahun 2017 bagi subjek Pendidikan Kesenian (Seni Muzik). Ia mengandungi pelbagai aktiviti PdPc seperti pengkaryaan, persembahan dan dan pembudayaan seni berasaskan empat modul kurikulum: Bahasa Seni, Kemahiran Seni, Kreativiti dan Inovasi Seni, Apresiasi Seni. Modul i-SMART Muzik Tahun 1,2,3 terdiri daripada 3 set buku iaitu Modul Guru, Modul Murid dan Lirik Lagu. Modul Guru dikhaskan untuk guru. Manakala, Modul Murid dan Lirik Lagu dikhaskan untuk murid-murid tahun satu hingga tiga dan diperbanyakkan mengikut jumlah murid dalam kelas tertentu.
- *Modul i-SMART Muzik Tahun 4,5,6:* Berpandukan kepada DSKP bagi subjek Pendidikan Muzik. Kandungan modul termasuklah: Latihan isyarat tangan solfa ; Latihan penjarian rekoder; Penulisan notasi muzik; Pelbagai set soalan berbentuk subjektif dan objektif. Modul i-SMART Muzik Tahun 4,5,6 terdiri daripada 3 set buku iaitu Modul Guru, Modul Murid dan Manuskrip. Modul Guru dikhaskan untuk guru. Manakala, Modul Murid dan Manuskrip dikhaskan untuk murid-murid tahun empat hingga enam dan diperbanyakkan mengikut jumlah murid dalam kelas tertentu.

Kedua-dua modul ini turut menyelitkan tafsiran tahap penguasaan murid tahun satu hingga tahun enam secara umum. Contoh penulisan rancangan pengajaran harian berdasarkan Pembelajaran Abad Ke-21 turut disediakan dalam Modul i-SMART Muzik.

C. Keberkesanan Inovasi Kepada PdPc

Secara keseluruhannya, dapatan kajian melalui kajian rintis yang telah dilaksanakan di SK Koporingaan Tuaran Sekolah Kluster Kecemerlangan selama dua bulan menunjukkan Modul i-SMART Muzik berupaya membantu murid menguasai sesuatu konsep muzik, serta membantu guru menjana idea, merancang dan melaksanakan aktiviti PdPc dan pentaksiran bilik darjah. Implikasi daripada penggunaan bahan bantu mengajar ini menunjukkan bahawa Modul i-SMART Muzik dapat menimbulkan keseronokan dan minat murid dalam pembelajaran Pendidikan Muzik dan Pendidikan Kesenian (Seni Muzik).

- *Pemerhatian:* Dapatan melalui pemerhatian yang dijalankan di dalam kelas menunjukkan murid-murid berasa seronok untuk meneruskan sesi pembelajaran. Ini kerana mereka dapat mengakses maklumat atau ilmu pengetahuan tentang sesuatu konsep muzik berulang kali terutamanya semasa membuat kerja rumah atau ulangkaji di rumah dalam usaha meningkatkan penguasaan mereka ke tahap optimum. Modul i-SMART Muzik ini juga menjadi bahan bantu mengajar yang membantu guru-guru muzik sekolah rendah menjana idea, merancang dan melaksanakan pelbagai aktiviti PdPc dan melaksanakan pentaksiran bilik darjah dengan lebih berkesan.
- *Analisis Dokumen:* Dapatan melalui analisis dokumen mendapati guru-guru seluruh Malaysia teruja dan berminat untuk mendapatkan Modul i-SMART Muzik dengan kos yang ditetapkan tanpa keraguan seperti berikut:


Jadual 1: Kos Menghasilkan Modul i-SMART Muzik Tahun 1,2,3

Unit	Kod	Deskripsi	Kos Per Unit (RM)
1	M04	Modul Guru	38.00
1	M05	Modul Murid	38.00
1	M06	Lirik Lagu	24.00
Jumlah Kos Per Modul			100.00

Jadual 2: Kos Menghasilkan Modul I-Smart Muzik Tahun 4,5,6

Unit	Kod	Deskripsi	Kos Per Unit (RM)
1	M01	Modul Guru	40.00
1	M02	Modul Murid	34.00
1	M03	Manuskrip	26.00
Jumlah Kos Per Modul			100.00

D. Potensi Untuk Disebar Luaskan Kepada Pihak Luar



Rajah 1: Pembelian Modul I-SMART Di Malaysia

E. Keterangan Lain Yang Berkaitan

Modul i-SMART Muzik merupakan salah satu bahan yang dihasilkan untuk merangsang minat murid terhadap muzik. Modul ini berupaya meningkatkan kecekapan dan produktiviti guru dalam menjalankan PdPc secara kreatif. Penghasilan modul ini dapat menjadikan guru sebagai agen transformasi dalam membangunkan idea-idea kreatif yang akhirnya menjadi inovasi di sekolah. Modul i-SMART Muzik berupaya membantu murid menguasai sesuatu konsep muzik berdasarkan DSKP dan buku teks. Penggunaan Modul i-SMART Muzik boleh mengurangkan tahap kebosanan murid kesan daripada ketiadaan buku latihan/buku kerja.

7. Rumusan

Kejayaan sesuatu pengajaran bergantung kepada proses PdPc yang dilaksanakan oleh guru di dalam kelas. Bahan pengajaran atau bahan bantu mengajar yang digunakan oleh guru dalam menyampaikan ilmu kepada murid mempengaruhi pencapaian murid. Justeru itu, guru harus bijak merancang dan memilih bahan bantu mengajar yang sesuai mengikut keupayaan dan kecerdasan murid. Modul i-SMART Muzik merupakan antara bahan bantu mengajar yang boleh digunakan sebagai pelengkap kepada pembelajaran konvensional dalam kelas muzik.

Dapatan menunjukkan bahawa Modul i-SMART Muzik diterima secara positif oleh guru-guru dan menjadikan modul ini sebagai sumber tambahan dalam pelaksanaan proses PdPc bagi mata pelajaran Pendidikan Kesenian (Seni Muzik) dan Pendidikan Muzik sekali gus menyemarakkan pembelajaran abad ke-21. Modul i-SMART Muzik berupaya untuk membantu guru-guru muzik sekolah rendah menjana idea, merancang dan melaksanakan pelbagai aktiviti PdPc serta melaksanakan pentaksiran bilik darjah dengan lebih mudah dan berkesan. Modul i-SMART Muzik ini juga menjadi bahan bantu mengajar yang boleh digunakan oleh murid secara akses sendiri dan berulang kali terutamanya semasa di rumah agar

dapat meningkatkan penguasaan murid ke tahap optimum. Implikasi daripada penggunaan Modul i-SMART Muzik menunjukkan bahawa ia dapat menimbulkan keseronokan dan minat murid dalam pembelajaran Pendidikan Muzik dan Pendidikan Kesenian (Seni Muzik).

Modul i-SMART Muzik ini diharapkan dapat membantu guru-guru untuk menterjemahkan aspirasi Kurikulum Standard Sekolah Rendah bagi mata pelajaran Pendidikan Kesenian (Seni Muzik) dan Pendidikan Muzik sekaligus memenuhi hasrat yang terkandung dalam PPPM 2013-2025 dan sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Bagi membantu mencapai hasrat PPPM ini, guru turut perlu membantu murid dalam penyampaian pdpc dengan cara membina bahan bantu mengajar yang kreatif supaya murid seronok dan minat untuk belajar.

Rujukan

- Malaysia, K. P. (2013). *Pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013-2025*. (Online: www.moe.gov.my).
- Peng, C. F. (2016). Pelaksanaan kemahiran berfikir kreatif dan kritis dalam pengajaran dan pembelajaran komsas di sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4(2), 10-24.
- Rahman, M. N. (2018). Pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan semakan 2017: Retrospeksi guru. *JuPiDi. Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 5(3), 59-71.
- Yusof, N. M. (2006). *Konsep pendidikan. PTS Professional*.